

**DALAM** usianya 24 tahun tegak sebagai negara bebas dan merdeka, Malaysia yang sudah mempunyai empat orang ketua pentadbirannya masih dapat mengekalkan corak atau style pentadbiran dan kalupun terdapat sebarang pembaharuan, maka hanyalah bertujuan mempertingkatkan mutu dan kecekapan.

Jika kita meluangkan masa meringkaskan masa-masa lalu, maka tidak banyak perbezaan yang terdapat baik dalam pentadbiran Tunku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan sekarang Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Tumpuan utama yang diberikan oleh keempat-empat negarawan tersebut di bawah pimpinan mereka ialah untuk mewujudkan kerajaan yang cekap, bersih dan jujur serta amanah yang telah diberikan oleh rakyat itu mestilah dibuktikan dengan kenyataan dan bukan setakat cakap-cakap manis bagi mengekalkan sokongan.



DATUK SRI DR. MAHATHIR



TUN HUSSEIN ONN



TUN ABDUL RAZAK



TUNKU ABDUL RAHMAN

# Cekap, bersih, jujur dan amanah jadi cita-cita empat pemimpin Malaysia

Oleh NOR SAMSUDIN

dapat dinafikan bahawa pendekatan seumpama ini tidak berlaku dan dilaksanakan dalam pentadbiran pentadbiran sebelumnya dan akibatnya jentera kerajaan sering menjadi bahan kritikan dan lebih dari itu dimaki hamun.

Pengalaman-pengalaman yang mereka lalui — Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datuk Musa — dalam pentadbiran-pentadbiran Tun Razak dan Tun Hussein memberi pelajaran untuk mere-

ka membetulkan kelonggaran-kelonggaran dalam perkhidmatan awam terlebih dahulu sebelum melangkah lebih jauh dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain. Ini adalah penting memandangkan bahawa kerajaan akan membelanjakan jumlah wang yang banyak untuk melancarkan dan melaksanakan berbagai projek pembangunan ekonomi dan sosial di bawah Rancangan Malaysia Keempat, dengan tumpuan khusus bagi pelaksa-

naan Dasar Ekonomi Baru. Sesungguhnya pembentukan sebuah kerajaan yang cekap, bersih dan jujur adalah menjadi asas kepada berkekalannya dan terjaminnya pemerintahan negara, di samping menjadi impian dan idaman rakyat untuk terus hidup dalam suasana aman, makmur dan tenteram. Sejarah telah membuktikan bahawa banyak negara, walau sistem apa yang diamalakan sekalipun

bersilih ganti sebuah negara sedang membangun yang tidak terlepas dari berbagai cabaran perlu mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa ia mempunyai sebuah kerajaan yang benar-benar didorong dan disokong oleh

rakyat dan kerana itu walau apa jua bentuk tindakannya adalah bertinggujawab membentuk kerajaan itu. Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun yang tidak terlepas dari berbagai cabaran perlu mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki disiplin lagi perjalanan pentadbiran kerajaan agar menjamin ia benar-benar memenuhi kehendak rakyat negara ini dan tidaklah kerajaan

Aspek pokok dari tindakan tersebut ialah untuk memastikan bahawa seluruh jentera perkhidmatan awam ditumpukan ke arah menajayakan program-program yang telah diatur di bawah Rancangan Malaysia Keempat, dan bahawa, kakitangan kerajaan perlu menginsafkan mereka diberi apah untuk bertugas dengan ikhlas, dedikasi dan jujur. Sebagaimana dengan tindakan-tindakan lain yang menimbulkan kecekapan di peringkat mulanya, maka demikian jugalah dengan sistem 'kad waktu' yang sedang mula diperkenalkan kepada perkhidmatan awam sekarang. Pelbagai pendapat ditonjolkan tentang pro dan kontra sistem tersebut meskipun pada praktiknya akan dapat mewujudkan mudah tersua dengan tingkah-laku kakitangan kerajaan yang

lumrah bahawa kerajaan menjadi bahan cacian dan kritikan orang ramai yang berpuca dari sikap yang ditunjukkan oleh setengah-setengah kakitangan dalam perkhidmatan awam yang tidak menunjukkan dedikasi dan keikhlasan mereka dalam mengendalikan tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka. Layanan buruk dan tidak memuaskan terhadap rakyat, terutama di luar bandar, yang membuat urusan dengan pejabat dan jabatan-jabatan kerajaan, sering diketegakkan, tetapi keadaannya berterusan seolah-olah ada kakitangan perkhidmatan awam yang menatikan: 'Apa mereka berani buat kepada aku?' Di setengah-setengah pejabat atau jabatan kerajaan mudah tersua dengan tingkah-laku kakitangan kerajaan yang

bertugas sambil membaca akhbar atau berbual sia-sia mereka tetap menghiraukan orang ramai yang tertunggak kaunternya. Tetapi juga setengah-mengahibiskan masa di kantin tanpa mengambil kira tugas dalam tugas dan orang yang meluluskan khidmatnya. Layanan buruk yang diterima oleh pesakit di klinik hospital-hospital kerajaan, sama ada oleh doktor mahupun kakitangan yang tidak boleh dianggap sebagai biasa. Baik di hospital mana sekalipun ada di bandar-bandar atau pekan-pekan malah di klinik-klinik desa, orang-orang seolah-olah seolah-olah tidak berdaya dan kakitangan kerajaan dalam perkhidmatan itu.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir yang mengambil gilirannya sekarang sedang berusaha bersama timbalannya, Datuk Musa Hitam untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang membanggakan rakyat bukan setakat dari segi pelaksanaan dasar-dasarnya, bahkan juga corak prestasinya yang tidak pernah dikejut-katikan oleh sebarang pihak yang memang mencari kesempatan untuk memburuk-burukkannya. Pemusatan pentadbiran Mahathir — Musa ini ialah perkhidmatan awam kerana di sinilah letaknya nadi pentadbiran negara dan kerana itu, sebarang kelonggaran atau kecacatan dalam jentera perkhidmatan awam, pasti akan menonjolkan seluruh jentera kerajaan. Mengamati tidak

# Pentadbiran: Apa yang dilakukan sekarang lebih mendatangkan kesan

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

DARI MUKA III

Sesungguhnya, inilah di antara kuman-kuman yang terus membiak dalam perkhidmatan awam di negara ini. Keadaan ini tidak berlaku dalam pentadbiran penjajah dulu kerana disiplin kakitangan kerajaan sentiasa dalam pengawasan dan mereka yang bertindak sesuka hati tetap menerima padahnya.

Pentadbiran Ma-  
thir — Musa se-

dang membetulkan keadaan itu. Di samping melaksanakan sistem kad waktu dan sistem kantin di pejabat, jabatan kerajaan juga akan dihapuskan bagi mengelakkan kakitangan perkhidmatan awam membuang masa dan sebagainya yang boleh menjejaskan prestasi mereka.

Untuk peringkat atasan pula pentadbiran baru ini mengambil langkah-langkah untuk mewujudkan sebuah

kerajaan yang bersih dengan mengarahkan dari peringkat Timbalan Perdana Menteri hingga kepada para pegawai kanan kerajaan mengisytiharkan harta, termasuk harta atas nama isteri dan anak-anak mereka.

Meskipun peraturan ini berjalan dalam pentadbiran-pentadbiran sebelumnya, tetapi apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan pimpinan sekarang adalah lebih mendatangkan kesan.

Bagi memastikan

langkah tersebut benar-benar berkesan, kerajaan akan menubuhkan sebuah 'badan khas' untuk mengawasi serta memastikan bahawa pengisytiharan yang dibuat adalah dengan jujur dan ikhlas dan tidak berlaku ada di antaranya cuba menyembunyikan dari perkara yang sebenarnya.

Perubahan-perubahan yang berlaku sekarang memperlihatkan bahawa pentadbiran Mahathir

Musa sedang berusaha mendekatkan rakyat dengan kerajaan menerusi pelaksanaan dasar dan jentera pentadbirannya.

Arahan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam supaya Biro Pengaduan Awam dipindahkan dari kawasan berkaual dan berpagar ke tempat yang mudah didatangi oleh orang ramai, adalah bukti

LIHAT MUKA XX

DARI MUKA VII

# Sasaran kecamaman

bahawa pentadbiran baru ini mahu rakyat menggunakan segala saluran untuk menghubungkan orang ramai dengan kerajaan digunakan dengan sepenuhnya. Tidak setakat itu, banyak lagi pejabat dan jabatan-jabatan kerajaan yang membuat urusan langsung dengan orang ramai perlu menukarkan corak dan susunan pentadbirannya supaya "rakyat tidak pihak dalam pentadbiran pimpinan Tun Hussein Onn, dan yang menjadi sasaran ialah bekas ketua pengarahnya ketika seperti Imigresen.

Pengangkutan Jalan, Pendaftaran, Pejabat Pos, Pejabat Daerah dan Tanah, mestilah mengambil langkah-langkah untuk menyesuaikan pentadbiran masing-masing sesuai dengan kehendak kerajaan baru dan aspirasi rakyat. Jabatan Imigresen, umpamanya, telah menjadi sasaran kecamaman oleh beberapa pihak dalam pentadbiran pimpinan Tun Hussein Onn, dan yang menjadi sasaran ialah bekas ketua pengarahnya ketika

itu, seolah-olah beliaulah yang bertanggungjawab menyebabkan timbulnya berbagai keadaan dalam jabatan itu. Begitu juga halnya di Jabatan Pengangkutan Jalan apabila Datuk Hassan Ibrahim menjadi ketua pengarahnya. Beliau telah melakukan banyak perkara untuk kebaikan jabatan itu yang sebelumnya tidak habis-habis menjadi sasaran kecamaman orang ramai kerana berikunya keadaan-keadaan yang tidak menyen-

angkan. Dalam melaksanakan pentadbiran yang secocok dengan aspirasi rakyat, adalah perlu ketegasan dari puak pimpinan bagi memastikan bahawa para pegawai kerajaan yang melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan ke atasnya (beri sokongan dan perlindungan oleh puak pimpinan. Caripur tangan politik oleh tokoh-tokoh politik yang kurang senang dengan 'style' pegawai-pegawai berkenaan, tidak akan menguntungkan kerajaan dalam

melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya tidak harus dibiarkan. Para pegawai kerajaan yang bertugas dengan penuh dedikasi, jujur dan bertanggungjawab seharusnya diberi sokongan oleh para pemimpin kerajaan. Memindahkan mereka, semata-mata untuk memenuhi kepentingan diri sendiri orang politik yang kurang senang dengan 'style' pegawai-pegawai berkenaan, tidak akan menguntungkan kerajaan.



KANTINGAN MAMPU, Jabatan Perdana Menteri merupakan tajuk pertama pelaksanaan "kad-waktu" sebagai usaha membina disiplin.

Bahan asal dari Arkib  
Negera Malaysia

DARI MUKA XI

merupakan satu ilustrasi bahawa segelintir pemimpin-pemimpin tertentu masih memegang teguh kepada konsep negeri "multilingualism", yang tidak mahu mengiktiraf satu bahasa pun sebagai bahasa rasmi.

Boleh dikatakan selepas 13 Mei dan dilaksanakan dengan lebih tegas dan kejelasan issue demikiam yang bertentangan dengan dasar bahasa dan aspirasi rakyat merupakan suatu perkara yang menggentingkan. Ini adalah kerana ia mungkin akan membawa kepada keruntuhan hubungan antara kaum di negara ini. Secara keseluruhan, setakat ini dasar bahasa kebangsaan mencapai kejayaannya yang wajar. Bermula dari satu lingua franca

di Kepulauan Melayu sejak Abad Ke-13 Bahasa Malaysia berkembang pesat kini. Peranan selanjutnya sebagai satu alat perpaduan dan simbol bangsa Malaysia bergantung kepada sikap rakyat Malaysia sendiri. Arena politik Malaysia dikatakan sebagai "politics of bargaining" di antara pemimpin-pemimpin antara kaum yang bukan-Melayu. Kenyataan ini tidak dapat dinafikan kerana masing-masing pemimpin-pemimpin yang mewakili komuniti mereka menawarkan konsesi dan layuan yang memuaskan. Kedewasaan negara Malaysia sering disebut dalam hubungan perpaduan negara selepas sambutan tiap hari kebangsaan. Soalan yang ditanya-tanya ialah, selepas 24 tahun negara merdeka, sejauh mana perpaduan rakyat telah tercapai?

Ramai pemimpin dan rakyat yang mahu melihat cita-cita negara dicapai dalam masa yang singkat, sedangkan masalah ini telah memakan masa sehingga berabad-abad untuk diselesaikan atau 'separuh selesai' di negara-negara lain. Keraguan terhadap perpaduan negara ini timbul kerana terdapatnya hubungan antara kaum yang masih tidak cordial. Kesetiaan kaum Cina dan India masih dipersoalkan kerana ramai dari mereka tidak boleh berakrabati dengan pemimpin-pemimpin Malaysia dan kesetiaan golongan mereka yang chauvinistik.

Perjuangan dan desakan mereka untuk memperkembangkan kebudayaan bahasa ibunda mereka misalnya, telah menambah keraguan dan kebimbangan kaum bumiputera. Sebaliknya orang-orang Cina merasa tidak puas hati dengan tindak-tanduk kerajaan yang dikatakan memihak kepada kaum bumiputera. Dari dasar-dasar kerajaan untuk memajukan orang-orang bumiputera, orang-orang Cina akan-akan merasa akan ketidakadilan yang mem bakar jiwa mereka. Perasaan ini telah mengalienasikan mereka dari usaha untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu. Memandangkan faktor-faktor yang menganggu hubungan antara kaum dan dasar bahasa yang ditaja sebagai alat perpaduan nasional ialah-olah tidak dapat mencapai matlamatnya. Dasar bahasa boleh dirangkaan pendudukan-penduduk Malaysia dan menjalin interaksi demi tempuk per-fahaman dan

toleransi di antara kaum. Tetapi masalahnya ialah kegongongan golongan tertentu untuk menerima satu sama lain kerana jiwa yang penuh prejudis, baik dari segi keturunan, agama, bahasa atau gaya hidup. Prasangka demikiam akan mengikatkan hubungan rasa lebih runcing dan nescaya ia tidak akan menguntungkan mana-mana pihak warganegara kecuali musuh bersama rakyat negara ini. Dengan tema Berdisiplin dan Berharmoni dalam menyambut Hari Kebangsaan Malaysia yang ke-24, rakyat semua kaum bukan sahaja harus bersatu-padu pada slogan-slogan mutlak tetapi juga harus bersatu di hati dan dalam cara hidup di bawah bumbung Malaysia.